

Harga rokok naik 40% mulai esok, industri terkejut
Malaysian Insider
Nov 3, 2015

British American Tobacco (BAT) Malaysia akan menaikkan kesemua harga rokok di bawah jenamanya sebanyak RM40% berkuatkuasa esok.

Pengarah Urusan BAT Malaysia Stefano Clini dalam satu kenyataan lewat petang ini berkata, kenaikan harga ini mengambil kira jumlah dibenarkan kenaikan cukai eksais dan kesannya terhadap cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta tekanan kos syarikat.

Ini menyebabkan harga rokok popular seperti Dunhill, Kent, Benson & Hedges menjadi RM17.

Sementara harga bagi jenama Peter Stuyvesant, Pall Mall menjadi RM15.50 dan Lucky Strike Plain RM17.50. Sementara harga bagi rokok Shuang Xi meningkat kepada RM18.00.

"Pasaran tembakau yang sah di sisi undang-undang merosot sebanyak 10% pada September tahun ini berbanding September tahun lepas.

"Kenaikan melampau eksais rokok ini susulan daripada kelemahan ekonomi dan sentimen pengguna yang menyebabkan semakin banyak rokok seludup, di mana satu daripada 3 pek rokok diimport secara haram.

"Kami tidak boleh bayangkan kesan kenaikan harga lebih 40% ini terhadap industri," kata Clini.

Katanya, industri itu sudah pun mengalami kenaikan eksais rokok sebanyak 12% setahun yang lalu pada 1 November 2014.

"Ini diikuti oleh pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada kadar 6% mulai 1 April tahun ini.

"Oleh itu, British American Tobacco terpaksa menaikkan harga rokok, dengan mengambil kira jumlah dibenarkan kenaikan cukai eksais itu serta kesannya terhadap GST dan tekanan kos inflasi." – 3 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/british-american-tobacco-naik-kan-harga-rokok-40-mulai-esok>